

Dakwaan Mengatakan Bahawa Islam Tidak Ada Hubungan Dengan Pemerintahan

Di dalam majalah Qalam bilangan 209 – pada akhir makalah ini – kita ada berjanji kepada para pembaca sekalian akan mengupas satu persatu tentang pendapat-pendapat orang-orang yang menentang akan pendapat-pendapat yang berdasarkan hukum-hukum Islam yang sebenarnya serta menerangkan dengan lebih jelas tentang kebatilan dan kepincangan pendapat-pendapat mereka itu.

Ikutilah bahasan selanjutnya di dalam bilangan 210 ini, semoga bersama-samalah kita mendapat faedah daripadanya. – Pengarang.

Terjemahan bebas oleh: Azmi

(X)

Setengah daripada golongan orang-orang yang berpelajaran Barat mendakwa bahawa Islam itu adalah suatu agama, dan tugas agama itu hanya memperhubungkan di antara manusia dengan Tuhan, agama tidak ada kena-mengena dengan pemerintahan negeri, tetapi jika kamu tanya mereka: “Mana suatu ayat Qur’an dan hadith yang menyatakan bahawa dakwaan mereka itu benar?”. Nescaya pertanyaan ini tidak akan dapat mereka jawab, kerana pada mereka tidak ada satu

dilaksanakan orang dalam semua negara di dunia ini kerana ia bersesuaian dengan semua undang-undang yang dipakai oleh seluruh dunia Islam.

Inilah anggapan dan sangkaan mereka – padahal kalau mereka berakal dan mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan tentang hukum-hukum di dalam syariat Islam, mereka akan mengetahui bahawa peraturan-peraturan yang didapati di dalam undang-undang Barat itu tidak boleh dijadikan suatu hujah

undang-undang Islam itu mempersatukan di antara agama dengan dunia, mencampurkan di antara ibadah dengan perjuangan dan tidak memisahkan di antara masjid dengan negara, maka kita tetap mengatakan bahawa pendapat mereka itu adalah batil (salah tidak berasas) ataupun sengaja dibuat-buat dan diada-adakan.

Di beberapa tahun yang silam sebageian kecil daripada bilangan

Islam Di Antara Kejahilan Pemeluknya dan Kelemahan Ulamanya

keterangan jua pun yang boleh membenarkan akan dakwaan yang tidak berasas itu selain daripada pendapat musuh-musuh Islam yang mereka pelajari dari negeri-negeri Barat, dan selain daripada itu apa yang telah mereka dengar tentang dasar undang-undang Barat yang memisahkan di antara gereja dengan pemerintahan negeri. Apa yang mereka pelajari dari dunia Barat itulah yang mempengaruhi segenap jiwa raga mereka sehingga mereka menyangka segala ilmu pengetahuan yang mereka pelajari itu adalah

di dalam menghadapi masalah-masalah agama Islam, tetapi yang boleh dijadikan hujah hanya nas-nas yang tercatat di dalam undang-undang Islam (iaitu al-Qur’an dan al-hadith – P.).

Sekiranya kita dapati ada nas-nas yang tercatat di dalam undang-undang Islam itu menyatakan bahawa di antara agama dan dunia itu tidak ada perhubungannya sama sekali, maka kita akan mengangkat tangan mengakui sah pendapat mereka itu. Tetapi jika ada didapati nas-nas yang tercatat di dalam

pemuda-pemuda angkatan baharu yang telah tamat pelajaran mereka dalam jurusan undang-undang di negeri Mesir telah mengadakan suatu majlis forum dengan menjemput saya. Di dalam majlis forum itu mereka perbincangkan soal-soal penting mengenai Islam dan syariatnya. Di sepanjang perbahasan itu saya dapat mengambil kesimpulan bahawa pemuda-pemuda kita yang berkelulusan tinggi di dalam jurusan undang-undang negeri itu mempunyai pendapat ‘bahawa agama Islam tidak ada perhubungannya dengan perkara-perkara

Islam di antara kejahilan...

hukum dan pemerintahan negara’.

Sewaktu fikiran saya diminta, maka saya pun menerangkan bahawa pendapat mereka dalam masalah ini adalah salah. Saya katakan kepada mereka: “Tidaklah patut sebagai sarjana-sarjana muda di dalam jurusan undang-undang mengeluarkan suatu pendapat yang menyatakan bahawa agama Islam itu terpisah daripada pemerintahan negara dengan tiada membawa keterangan-keterangan daripada syariat Islam.” Belum pun habis saya memberi keterangan itu, tiba-tiba salah seorang daripada mereka memotong percakapan saya dengan katanya: “Berilah kami nas daripada al-Qur’ān, daripada al-Qur’ān sahaja yang menunjukkan bahawa Islam itu mempersatukan di antara agama dan pemerintahan negara”. Saya faham apa tujuannya. Kemudian saya pun menjawab: “Tidaklah saudara mahu nas daripada sunnah (hadith)?” Jawabnya: “Tidak! kerana al-Qur’ān itu adalah undang-undang Islam”. Saya memandang ke wajah kawan-kawannya, saya dapati mereka itu membenarkan perkataannya. Saya hairan dengan pendirian pemuda-pemuda angkatan baharu ini, pemuda-pemuda yang percaya dan beriman penuh kepada kitab suci al-Qur’ān, sedang mereka itu sejahil-jahil manusia tentang hukum-hukum yang terkandung di dalam al-Qur’ān. Seterusnya saya merasa sedih memikirkan keadaan pemuda-pemuda Islam yang jahil dengan isi al-Qur’ān itu dengan secara berterus terang berani pula mengingkari dua hukum daripada hukum-hukum al-Qur’ān yang nyata senyata-nyatanya:

Pertama – Mereka ingkar bahawa Islam itu adalah agama dan pemerintahan negara.

Kedua – Bahawa al-ḥadīth al-Nabawī itu adalah hujah yang wajib dipercayai oleh setiap orang Islam lelaki dan perempuan sebagaimana al-Qur’ān itu wajib dipercayai oleh setiap orang Islam lelaki dan perempuan.

Sungguh mendukacitakan! Ada golongan pemuda-pemuda Islam yang beriman dengan al-Qur’ān sedang mereka itu tidak mengetahui bahawa al-Qur’ān menentukan *‘iqāb* (pembalasan) di atas orang yang membunuh, merompak, mencuri, berzina dan membuat fitnah sebagaimana nasnya tercatat di dalam al-Qur’ān seperti firman Allah di dalam sūrat al-Baqarah ayat (178) “*Yā ayyuhā alladhīna āmanū kutiba ‘alaykumu al-qīṣṣu fī al-qatlī*”. Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Difardukan di atas kamu *qīṣās* (menuntut balas) sebab membunuh orang.” Firman-Nya lagi di dalam sūrat al-Nisā’ ayat (92-93):

“*Wa mā kāna li mu’minīn an yaqtulū mu’minān illā khaṭa’ā, wa man qatala mu’minān khaṭa’an fa tahrīru rāqabatīn mu’minān wa diyātun musallamātun ilā ahlihī illā an yaṣṣaddaqū, fa in kāna min qawmin ‘aduwwīn lakum wa huwa mu’minun fa tahrīru rāqabatīn mu’minah, wa in kāna min qawmin baynākum wa baynahum māhūqun fadyātun musallamātun ilā ahlihī wa tahrīru rāqabatīn mu’minah, fa man lam yajid fa ṣiyāmu shahrayni mutadābi’ayni tawbatun mina Allāh, wa kāna Allāhu ‘alīman ḥakīmā. Wa man yaqtul mu’minān muta’ammidan fa jazā’uhū jahannamu khālidan fī hā wa ghaḍība. Allāhu ‘akbaru wa la’ānahū wa a’udda lahū ‘adhāban ‘aẓīmā.*” Maksudnya. “Tiadalah patut seseorang Mukmin (Muslim) membunuh orang yang lain, kecuali jika

tersalah (tidak sengaja). Barang siapa membunuh orang Mukmin dengan tidak sengaja, maka hendaklah memerdekakan seorang hamba sahaya yang Mukmin, serta bayarkan *diyah* (denda seratus ekor unta) kepada keluarga orang yang terbunuh, kecuali jika mereka dermakan (berdamai). Jika orang yang terbunuh itu setengah di antara kaum yang berseteru dengan kamu, tetapi ia seorang Mukmin (Islam), maka hendaklah memerdekakan seorang hamba sahaya yang Mukmin, dan tiada wajib membayar *diyah* kepada keluarganya – jika yang terbunuh itu di antara kaum kafir, tetapi kamu telah membuat perjanjian dengan mereka, maka hendaklah bayarkan *diyah* kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang Mukmin, jika tidak ada hamba yang Mukmin, maka hendaklah berpuasa dua bulan berturut-turut, sebagai penerimaan taubat daripada Allah, Allah Maha Mengetahui lagi Bijaksana. Barang siapa membunuh orang Mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahannam, kekal ia di dalamnya, Allah murka kepadanya serta dikutuki-Nya dan disediakan-Nya seksa yang besar”.

Di dalam sūrat al-Mā’idah ayat (33) Tuhan berfirman pula: “*Innamā jazā’u alladhīna yuḥāribūna Allāha wa rasūlahū wa yas’āunā fī al-arḍi fasādan an yuqattalū aw yuṣallabū aw tuqatta’a aydihim wa arjuluhum min khilāfin aw yunfaw mina al-arḍ, dhālika lahum khizyun fī al-dunyā wa lahum fī al-ākhirati ‘adhābun ‘aẓīm*”. Maksudnya: “Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan rasul-Nya, dengan berusaha hendak memperbuat kebinasaan di muka bumi, iaitu supaya mereka dibunuh atau disalib ataupun dipotong

Islam di antara kejahilan...

kaki dan tangan mereka dengan bertimpal balik, ataupun dibuang dari tanah airnya. Balasan itu suatu kehinaan bagi mereka di atas dunia, di akhirat mereka akan menerima seksaan yang besar”.

Firman-Nya lagi di dalam surah al-Māidah ayat (38):

“Wa al-sāriqu wa al-sāriqatu fa iqṭa’ū aydīyahumā jazā’an bi mā kasabā nakālan mina Allāh, wallāhu ‘aẓẓun ḥakīm”.

Maksudnya: “Orang yang mencuri lelaki dan perempuan hendaklah dipotong tangan keduanya, sebagai pembalasan perbuatan keduanya dan sebagai seksaan daripada Allah, Allah Maha Mulia lagi Bijaksana.”

Di dalam sūrat al-Nūr pula ayat (2) Allah berfirman: **“Al-zāniyatu wa al-zānī fa ijliḍū kulla wāhidin minhumā mi’ata jaldah.”** Maksudnya: “Perempuan dan lelaki yang berzina hendaklah keduanya didera, masing-masing seratus kali dera (sebat)”. Dan firman-Nya lagi di dalam sūrat al-Nūr ayat (4): **“Wa alladhīna yarmūna al-muḥṣanāti thumma lam ya’yū bi arba’ati shuhadā’a fa ijliḍūhum thamanīna jaldah”.** Maksudnya: “Orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan baik dengan dikatakan mereka berzina, kemudian ia tidak mengemukakan empat orang saksi, maka deralah orang itu sebanyak delapan puluh kali.”

Selain daripada ayat-ayat yang telah dibentangkan di atas ada beberapa banyak lagi nas-nas al-Qur’ān yang melarang orang ramai daripada melakukan perbuatan-perbuatan

keji dan perbuatan-perbuatan keji itu kalau dilakukan juga, maka orang-orang yang melakukannya itu akan menerima hukuman yang setimpal dan adil, sama ada hukuman itu dengan jalan dera (sebat atau pancung) seperti hukuman yang dikenakan di atas orang-orang yang berzina atau murtad, atau mahupun hukuman itu dijalankan dengan cara amaran atau teguran seperti orang yang memaki hamun dan khianat kepada amanah.

Kesemua perbuatan-perbuatan keji yang seumpama ini dilarang dan diharamkan oleh al-Qur’ān, dan hukuman-hukuman di atas setiap orang yang melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh syarak itu wajib dilaksanakan, kerana kewajipan menghukum itu adalah dipertanggungjawabkan ke atas sesuatu kerajaan, bukan tanggungjawab agama – seperti sangkaan setengah-setengah orang – kalau sekiranya Islam itu tidak boleh disatukan dengan urusan pemerintahan negeri nescaya tidaklah Tuhan menurunkan ayat-ayat yang bercorak hukum. Apabila al-Qur’ān telah mewajibkan ke atas orang Islam melaksanakan sesuatu hukum, maka bererti diwajibkan pula di atas mereka menegakkan sebuah kerajaan Islam yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kuatkuasa perintah-perintah Tuhan – yang berhubung dengan hukum – yang telah diturunkan Allah melalui al-Qur’ān al-Karim. Kesimpulannya bahawa menegakkan sebuah kerajaan yang berdasarkan hukum-hukum Islam itu adalah suatu kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas sekalian kaum Muslimin.

Al-Qur’ān mewajibkan bahawa kerajaan Islam yang didirikan itu dasar

pemerintahannya hendaklah dijalankan dengan perantaraan **“shūrā”** (permesyuaratan) untuk menepati firman Allah di dalam al-Shūrā ayat (38): **“Wa amruhum shūrā baynahum”.** Maksudnya: “Urusan mereka dengan bermesyuarat di antara sesama mereka”. Dan firman-Nya lagi di dalam sūrat Āli ‘Imrān ayat (159): **“Wa shāwirhum fī al-amr”.** Maksudnya: “Dan bermesyuaratlah engkau dengan mereka di dalam sesuatu urusan”.

Suruhan menegakkan hukum **shūrā** itu bererti suatu perintah mendirikan *Dawlah Islāmiyyah* (kerajaan Islam). Kalau sekiranya Islam itu memisahkan di antara agama dengan pemerintahan nescaya tidaklah Allah turunkan ayat-ayat Qur’an yang berupa hukum dan permesyuaratan.

Al-Qur’ān juga mewajibkan bahawa hukuman-hukuman yang dijalankan di antara sesama manusia itu hendaklah berlaku adil dan saksama, supaya menepati perintah Allah di dalam sūrat al-Nisā’ ayat (58) yang berbunyi: **“Inna Allāha ya’murukum an tu’addu al-amānāti ilā ahlihā, wa idhā ḥakamtum bayna al-nāsi an taḥkumū bi al-‘adl”.** Maksudnya: “Allah memerintahkan kamu supaya menunaikan amanah kepada yang punya hak. Jika kamu menghukum di antara sesama manusia hendaklah kamu hukum dengan seadil-adilnya”.

Firman-Nya lagi di dalam surah al-Māidah ayat (49): **“Wa ani uḥkum baynahum bi mā anzala Allāh”.** Maksudnya: “Hendaklah engkau menghukum di antara mereka menurut hukuman yang telah diturunkan Allah”. Dan di dalam

Islam di antara kejahilan...

sūrat al-Mā'idah ayat (44) Allah berfirman **“*wa man lam yahkum bi mā anzala Allāhu fa ulā'ika humu al-kāfirūn*”**;

Maksudnya: “Dan barang siapa yang tidak menghukum menurut hukuman yang telah diturunkan Allah, maka mereka itu termasuk di dalam golongan orang-orang yang kafir”.

Adapun menghukum di antara sesama manusia itu adalah urusan yang dikhaskan kepada kerajaan, di sinilah menunjukkan bahawa Islam itu adalah agama dan pemerintahan. Allah memerintahkan supaya kerajaan Islam menjalankan hukum-hukum yang diturunkan Allah di dalam al-Qur'ān.

Al-Qur'ān mewajibkan *amar ma'rūf* (memerintah kepada jalan kebajikan) dan *nahī munkar* (melarang berbuat kejahatan). Perintah tersebut ada ditegaskan di dalam sūrat Āli 'Imrān ayat (104):

“*Waltakun min kum ummatun yad'ūna ilā al-khayri wa ya'murūna bi al-ma'rūfi wa yanhawna 'ani al-munkar, wa ulā'ika humu al-muflihūn.*”

Maksudnya: “Hendaklah ada di antara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh memperbuat kebajikan, melarang daripada kejahatan dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan”.

Melakukan kebaikan itu adalah diperintah syarak dan mengerjakan kejahatan adalah larangannya. Oleh yang demikian wajiblah di atas sekalian kaum Muslimin sama ada dengan secara persendirian mahupun secara berjemaah supaya menegakkan perbuatan-perbuatan yang diperintahkan oleh Islam dan meninggalkan segala yang diharamkannya.

Pemerintah yang didirikan oleh kaum Muslimin hendaklah pemerintahan Islam, supaya dengan terdirinya pemerintahan Islam itu segala hukum-hukum yang diturunkan Allah di dalam al-Qur'ān dapat dijalankan dengan lancar. Demikianlah cara-cara al-Qur'ān mempersatukan antara urusan agama dengan urusan dunia.

Al-Qur'ān mempersatukan antara urusan agama dengan urusan dunia terkadang-kadang melalui nas-nas yang berasingan dan terkadang-kadang di dalam nas yang satu. Ahli-ahli penyelidikan dalam soal ini mengatakan ia pernah menjumpai satu ayat daripada al-Qur'ān mempersatukan antara urusan agama, akhlak dan urusan dunia. Misalnya ada satu ayat di dalam sūrat al-An'ām yang mengandungi tiga urusan tersebut, sebagaimana firman Allah: **“*Qul ta'ālaw atlu mā ḥarrama rabbukum 'alaykum allā tushrikū bihī shay'ā, wa bi al-wālidayni iḥsāna, wa lā taqtulū awlādakum min imlāq, nahnu narzuqukum wa iyyahum, wa lā taqrabū al-fawāḥisha mā zahara minhā wa mā baṭan, wa lā taqtulū al-nafsa al-latī ḥarrama Allāhu illā bi al-ḥaqq, dhālikum wa ṣākum bihī la'allakum ta'qilūn*”** Maksudnya:

Katakanlah! Marilah kamu, boleh aku bacakan apa-apa yang dilarang Tuhan atas kamu, iaitu jangan mempersekutukan Allah dengan sesuatu jua pun, kepada kedua ibu bapa hendaklah berbuat kebajikan, jangan membunuh anak-anak kamu kerana takut kelaparan, kerana Kami yang memberi rezeki kamu dan rezeki mereka itu, jangan melakukan pekerjaan-pekerjaan jahat yang terang-terang dan yang tersembunyi di antaranya, jangan membunuh nyawa (orang) yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan kebenaran. Demikianlah

wasiat (pesanan) Allah kepada kamu mudah-mudahan kamu memikirkannya.”

Inilah satu-satunya nas daripada ayat al-Qur'ān yang mengharamkan menyengutukan Allah, derhaka kepada kepada kedua ibu bapa, membunuh anak-anak, melakukan kejahatan dengan terang-terangan dan bersembunyi, di akhir sekali membunuh nyawa orang yang diharamkan oleh Allah. Dengan ayat ini tidakkah menunjukkan bahawa urusan agama itu tetap tidak boleh dipisah-pisahkan dari urusan dunia?

al-Qur'ān mewajibkan atas kerajaan Islam mendirikan urusan agama dan dunia menurut asas-asas hukum daripada al-Qur'ān. Yang demikian itu seperti firman Allah di dalam sūrat al-Ḥajj ayat (41): **“*Alladhīna in makkannāhum fī al-arḍi aqāmu al-ṣalāta wa ātū al-zakāta wa amarū bi al-ma'rūfi wa nahaw 'ani al-munkar, walillāhi 'āqibati al-umūr*”** Maksudnya: “Ada pula orang, jika Kami tempatkan mereka di muka bumi, dikerjakannya sembahyang, dikeluarkannya zakat, disuruhnya orang berbuat kebajikan dan dilarangnya melakukan perkara-perkara yang mungkar (terlarang). Dan kepada Allah terserah akibat sesuatu pekerjaan.”

Ini adalah suatu nas yang terang menunjukkan bahawa kerajaan yang diakui Tuhan itu ialah sebuah kerajaan yang memerintahkan supaya seluruh rakyatnya mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat. Kerajaan itu menjalankan tugas negara berdasarkan hukum-hukum yang diperintahkan Allah dan melarang segala perbuatan-perbuatan yang ditegah oleh syarak. Maksud yang dituju oleh nas tersebut ialah mewajibkan setiap kerajaan yang didirikan oleh

Islam di antara kejahilan...

orang-orang Muslimin itu hendaklah kerajaan Islam yang tulen sejati, yang sanggup bertanggungjawab mengatur urusan hukum, masyarakat, berasaskan dasar dan konsep-konsep Islam.

Di dalam al-Qur'an banyak didapati nas-nas ayat yang berhubung dengan soal-soal fitnah (huru-hara) di dalam negeri, pergolakan sejagat (internasional), perdamaian, peperangan, perjanjian, permasyarakatan dan hal ehwal mengenai peribadi. Al-Qur'an mewajibkan di atas orang-orang kaya mengeluarkan sebahagian daripada harta mereka untuk dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin dan mengeluarkan daripada baitulmal untuk anak-anak yatim, orang-orang miskin dan *ibn sabīl* (orang pengembara).

Tegasnya setiap urusan dunia ada hukumnya di dalam al-Qur'an dan setiap urusan ibadah dan iktikad ada hukumnya di dalam al-Qur'an, yang pentingnya segala urusan dunia yang dilakukan oleh seseorang itu hendaklah berasaskan agama dan akhlak (budi pekerti), daripada asas-asas dan akhlak itulah dijadikan dasar untuk melaksanakan urusan pemerintah dan memandu rakyat ke arah jalan yang diredai Allah. Tidakkah semuanya ini menunjukkan bahawa agama dan pemerintahan itu tidak boleh dipisahkan? Sehingga bolehlah diertikan bahawa sesuatu pemerintahan di dalam Islam itulah agama dan agama itulah pemerintahan.

Sungguh mendukacitakan! Ada sebahagian daripada golongan pemuda-pemuda

Islam yang mengaku beriman kepada al-Qur'an, sedang mereka itu tidak mengetahui bahawa al-Qur'an itulah yang menjadikan perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* itu sebagai syariat yang diakui oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* di atas mereka taat dan beramal dengan hukum-hukum Allah yang terkandung di dalam hadith-hadith Rasul itu, sekalipun hukum-hukum itu tidak ada tersebut di dalam nas al-Qur'an, lantaran Rasul itu tidak berkata-kata dengan menurut kemahuan hawa nafsunya sahaja. Ia tidak memperkatakan sesuatu melainkan apa yang telah diwahyukan Allah kepadanya, sebagaimana firman Allah di dalam sūrat al-Najm ayat (3,4): "***Wa mā yantiqū 'ani al-hawā, in huwa illā wahyūn yūḥā***" Maksudnya: "Nabi Muhammad itu tiada berkata menurut hawa nafsunya, melainkan menurut wahyu yang disampaikan kepadanya."

Adapun nas-nas al-Qur'an yang menyuruh taat kepada Rasul dan melakukan segala suruhannya tersangat banyak, di antaranya firman Allah di dalam sūrat al-Nisā' ayat (59): "***Yā ayyuhā alladhīna āmanū aḡḡ'ū Allāha wa aḡḡ'ū al-rasūl.***" Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul". Firman-Nya lagi di dalam sūraht al-Nisā' ayat (80): "***Man yuḡi'i al-rasūla fa qad aḡḡ'a Allāh.***" Maksudnya: "Barang siapa yang taat kepada Rasul, sesungguhnya ia taat kepada Allah." Di dalam surah Āli 'Imrān ayat (31) Tuhan berfirman: "***Qul in kuntum tuḡhibbūna Allāha fa ittabi'ūnī yuḡbibkumu Allāh.***" Maksudnya: Katakan wahai Muḡammad! Jika kamu kasih kepada Allah, maka hendaklah ikut aku,

nescaya Allah mengasihi kamu." Dan di dalam sūrat al-Ḥaṣhr ayat (7) Allah berfirman lagi: "***Wa mā atākumu al-rasūlu fa khudḡūhu wa mā nahākum 'anhu fa intahū***" Maksudnya: "Apa-apa yang diajarkan Rasul kepada kamu hendaklah kamu terima, dan apa-apa yang dilarangnya hendaklah kamu hentikan" dan firman-Nya lagi di dalam sūrat al-Nisā' ayat (65): "***Fa lā wa rabbika lā yu'minūna ḡattā yuḡakkimūka fīmā shajara baynahum thumma lā tajidū' fī anḡusihim ḡarajan mimmā qaḡdayta wa yusallimū taslīmā.***"

Maksudnya: "Tidak! Demi Allah. Mereka tiada juga mahu beriman kepada engkau sehingga mereka mengangkat engkau menjadi hakim untuk menyelesaikan perselisihan mereka dan tiada mereka keberatan menerima hukuman engkau itu, mereka mengikut dengan sebenar-benarnya akan hukuman itu." Di akhirnya di dalam sūrat al-Aḡzāb ayat (31)² Allah berfirman pula: "***Laqad kāna lakum fī rasūli Allāhi uswatun ḡasanatun, li man kāna yarjū Allāha wa al-yawma al-ākḡira walḡakara Allāha kaḡḡūn.***" Maksudnya: "Sesungguhnya adalah Rasulullah (Muhammad) itu menjadi ikutan yang baik, orang yang mengharapkan pahala Allah dan hari yang kemudian serta ia banyak berzikir (mengingat) Allah.

Bersambung

Kata-kata hikmah

Kalau masing-masing orang berani dengan hati yang tulus ikhlas memeriksa dirinya, dan sudah bertekad untuk meninggalkan cara-cara lama dan berani menempuh cara-cara yang lebih sihat, demi untuk kepentingan ramai, maka baharulah ada harapan untuk membuka jalan keluar.

(Mohammad Natsir)

¹ Perkataan sebenar ialah *yajidū*.

² Perkataan sebenar ialah kuda